



FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)
(as of 7th May 2020)

**FAQs MENGENAI GUIDELINES FOR RUNNERS' ACTIVITIES
DURING THE COVID-19 SITUATION**

1. Apakah yang dimaksudkan dengan *runners*?
Runners bermaksud **syarikat-syarikat yang berdaftar** yang dibenarkan untuk memberikan khidmat pengambilan dan penghantaran barang-barang kepunyaan individu.

Untuk maklumat lanjut mengenai senarai dan jadual aktiviti Runners terkini, bolehlah menghubungi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui emel di Infocommunications@mtic.gov.bn
2. Adakah *runners* dimestikan untuk mengikuti kesemua garis panduan yang dinyatakan?
Kesemua runners adalah dimestikan untuk mengikuti kesemua garis panduan yang dinyatakan oleh Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak berkuasa yang lain dan juga garis panduan yang dinyatakan didalam dokumen "Guideline for runner activities during the COVID-19 situation".

Mana-mana syarikat yang didapati gagal mematuhi garis panduan tersebut, mereka akan disabitkan dengan hukuman dibawah Akta Penyakit Berjangkit, Penggal 204, dan akan diberikan notis pengasingan diri serta dikehendaki untuk membayar kesemua kos bagi "swabbing tests" mengikut skim bayaran dibawah Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.
ko
Selain itu, runners juga dikehendaki untuk mematuhi langkah-langkah berikut:-
 - a. Menggunakan gloves, penutup muka dan apron (seperti raincoat atau poncho yang boleh digunapakai) semasa mengendalikan barangan;
 - b. Tidak berkongsi alat-alat peralatan seperti alat tulis dan lain-lain; dan
 - c. Mengamalkan penjarakan fizikal semasa pengendalian barangan.
3. Apakah kebenaran-kebenaran yang perlu diperolehi oleh *runners*?
Runners perlu memohon kebenaran "Exit Country Approval" daripada Jabatan Perdana Menteri sebelum berlepas ke negara lain.
4. Berapa orang dan berapa kali kah *runners* akan dibenarkan untuk keluar negara?
*Pada masa ini, runners hanya dibenarkan untuk keluar negara sebanyak **sekali sahaja pada setiap minggu** dengan **menggunakan sebuah kenderaan komersial atau kenderaan lain yang telah dibenarkan oleh pihak Kerajaan.***

*Pada masa ini, **hanya 4 syarikat dibenarkan keluar negara pada setiap hari.** Setiap syarikat hanya dibenarkan untuk **menghantar dua (2) orang wakil** sahaja untuk mengambil barang-barang tersebut, tertakluk kepada kebenaran Jabatan Perdana Menteri.*
5. Adakah *runners* dibenarkan untuk keluar negara melalui mana-mana pos kawalan di negara ini?



FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)
(as of 7th May 2020)

Runners hanya dibenarkan untuk melalui pos-pos kawalan di Sungai Tujoh dan Ujung Jalan sahaja.

6. Dimanakah runners dapat mengambil barang-barang mereka?
*Runners hanya dibenarkan untuk mengambil barang-barang mereka **melalui "Checkpoint Exchanges" yang dibenarkan.***
7. Berapa lamakah tempoh yang akan diberikan kepada runners untuk mengambil barang-barang individu tersebut?
*Runners akan diberikan tempoh **selama dua (2) jam** sahaja untuk mengambil barang-barang tersebut di "Checkpoint Exchanges" yang dibenarkan.*
8. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan ke atas runners yang baru kembali ke Negara Brunei Darussalam?
Sebagai langkah berjaga-jaga, kesemua runners adalah dimestikan untuk menjalani pemeriksaan suhu badan di setiap pos-pos kawalan. Mana-mana runners yang menunjukkan gejala ataupun terdedah kepada COVID-19 semasa kembali ke Negara Brunei Darussalam akan diberikan Notis Pengasingan Diri.
9. Apakah peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi oleh runners?
Runners dimestikan untuk mematuhi kesemua akta-akta dan peraturan-peraturan berkaitan dengan pengimpotan, transit dan eksport barang-barang yang berkuatkuasa pada masa ini termasuk peraturan-peraturan perjalanan (travel regulations) di kesemua tempat-tempat tujuan. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan ataupun kerosakan yang berlaku.
10. Bagaimanakah proses deklarasi barang-barang yang dibawa oleh runners?
*Barang-barang yang dibawa oleh runners perlu menjalani proses deklarasi dengan pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja **tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari mereka dijadualkan.***

Kegagalan untuk berbuat demikian akan mengakibatkan barang-barang tersebut diproses pada hari berikutnya dan akan dikenakan bayaran penyimpanan (storage fees) oleh pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.
11. Adakah barang-barang yang telah diambil perlu dikuarantin dan berapa lamakah proses kuarantin tersebut?
*Barang-barang yang telah diambil yang bukan berbentuk 'perishable goods' melalui "Checkpoint Exchanges" perlu menjalani proses **kuarantin selama 72 jam (3 hari)** sebelum dihantar kepada individu-individu atau pelanggan-pelanggan.*
12. Dimanakah pendaftaran dapat dibuat bagi pemandu dan kenderaan yang digunakan oleh runners?
Pemandu dan kenderaan yang digunakan oleh runners bolehlah didaftarkan melalui "Brunei Darussalam's Vehicle Exit/Entry System (VES).



FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)
(as of 7th May 2020)

13. Apakah tindakan-tindakan yang akan diambil ke atas *runners* yang gagal mematuhi waktu yang diberikan semasa mengambil barang-barang di luar negara dan gagal untuk pulang ke Negara Brunei Darussalam dalam tempoh yang ditetapkan?
Bagi Runners yang didapati gagal untuk mematuhi waktu yang ditetapkan untuk mengambil barang-barang di luar negara dan gagal untuk kembali ke Negara Brunei Darussalam pada hari yang sama, maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 dan boleh dikenakan denda. Runners berkenaan juga akan diarahkan untuk menjalankan Perintah Isolation, yang mana kos-kos ujian swabbing serta Isolation akan ditanggung sepenuhnya oleh Runners tersebut.
14. Apakah perkara-perkara lain yang perlu dilakukan oleh *runners* setelah kembali ke Negara Brunei Darussalam?
Runners adalah dimestikan untuk mengemaskinikan status kesihatan mereka setiap hari selama 14 hari selepas perjalanan mereka melalui "Self-Assessment Application" yang boleh didapati melalui laman web www.healthinfo.gov.bn. Runners akan dikenakan tindakan jika gagal berbuat demikian.
15. Adakah jadual yang ditetapkan boleh di tukar sesama runners (swap)?
Jadual yang ditetapkan tidak dapat ditukar. Sekiranya runner tidak dapat mengikuti jadual yang ditetapkan, runner berkenaan hendaklah menunggu gilirannya pada minggu berikutnya, tertakluk kepada jumlah runner yang tersenarai.
16. Sehingga bilakah permohonan untuk menjalankan aktiviti sebagai runners secara rentas sempadan pasa masa ini akan dibukakan?
Pada masa ini, permohonan untuk menjalankan aktiviti sebagai runners secara rentas sempadan hanya dibukakan kepada runners yang telah mendaftar dengan pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang ada pada masa ini.
- kebenaran untuk menjalankan aktiviti runners secara rentas sempadan tersebut hanya berkuatkuasa semasa situasi COVID-19.*

-TAMAT-